

'Jangan amal sistem kuku besi'

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



■ DATIN PADUKA ZALEHA

BATU PAHAT, Sabtu. — UMNO sejak ditubuhkan hingga kini tidak pernah mengamalkan sistem kuku besi dan janganlah sekali-kali kita membuat perubahan supaya mengamalkan sistem tersebut.

Datin Paduka Hajjah Zaleha Ismail, Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia, berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan Wanita UMNO Bahagian Batu Pahat di sini.

"Golongan yang cuba mengamalkan sistem kuku besi adalah terdiri dari golongan yang mementingkan diri sendiri dan tamakkan kedudukan kerana apabila mereka sudah berada di peringkat atas mereka tidak mahu orang lain mengambil tempatnya sungguhpun mereka tahu mereka tidak lagi berkeupayaan atau tidak lagi cergas," kata Datin Paduka Zaleha.

Menurut beliau, orang yang dipimpin sentiasa mengharapkan kepada ketua yang cergas dan berkeupayaan dan mereka tidak mahu dipimpin oleh ketua yang sudah lemah.

"Jika kita mahu duduk selamat dalam sebuah rumah hendaklah kita memerhatikan tiang dan sendi rumah itu. Jika didapati ada yang telah lapuk dan

usang janganlah berlengah untuk menggantikannya," sambung beliau.

Beliau yang kini yakin UMNO telah bersiap sedia untuk menghadapi pilihanraya berkata kegiatan lobi melobi adalah amalan yang dibolehkan dalam sistem demokrasi dan ini sentiasa dipraktikkan di mana-mana sahaja.

"Sungguhpun lobi melobi ini satu amalan yang tidak dilarang, tetapi hendaklah dijalankan dengan sihat tanpa menyinggung peribadi dan menyentuh perkara sensitif. Tetapi ada juga ketikanya ia terbabas dari landasan yang dibenarkan.

"Ini berlaku apabila seseorang itu dengan keras mempertahankan kepentingan diri sendiri. Bila keadaan ini berlaku, seseorang itu akan buat apa saja menurutkan hati hinggakan sanggup menabur fitnah," kata Datin Paduka Zaleha.

Beliau mensifatkan golongan ini sebagai golongan yang tidak mahu menerima kenyataan dan kebenaran. Mereka adalah petualang terhadap perjuangan UMNO dan perbuatan mereka menaburkan fitnah terhadap rakan seperjuangan adalah hina serta keji di sisi masyarakat.

Beliau yang juga Menteri Kewangan dan Ketua Badan Perhubungan UMNO Kelantan mengingatkan ahli-ahli UMNO negeri ini tentang pahit maung 18 tahun yang pemimpin dan penyokong UMNO alami untuk merebut kembali kuasa PAS.

Oleh itu, katanya, adalah penting bagi UMNO Kelantan berusaha bersungguh-sungguh dan mengenyahkan apa juga pergeseran yang wujud bagi menjamin Barisan Nasional terus memerintah Kelantan untuk meluluskan pembangunan yang pesat di negeri ini sekarang.

Menurutnya, dalam menghadapi pilihanraya umum, yang akan diadakan bila-bila masa sahaja, jentera seluruh UMNO Kelantan sedang dikemaskan bagi menjamin kemenangan parti.

Datuk Abdullah dijangka menang

ALOR SETAR, Sabtu — Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah, Datuk Abdullah bin Ismail dijangka menang tanpa bertanding bagi jawatan Ketua Umno Bahagian Jerai dalam mesyuarat perwakilan bahagian itu nanti.

Kesemua 30 cawangan dalam bahagian tersebut dijangka mencalonkan Datuk Abdullah untuk mengekalkan jawatannya sebagai Ketua Bahagian.